

04 OCT 2001

Hadi-Dialog

NEGARA ISLAM: PAS SEDIA DIALOG DENGAN UMNO

KUALA TERENGGANU, 4 Okt (Bernama) -- Pas sedia berdialog dengan Umno mengenai takrif negara Islam bagi mengelak rakyat terkeliru, kata Timbalan Presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Beliau berkata perbincangan secara ilmiah itu amat penting bagi menjelaskan mengenai takrif sebenar sebuah negara Islam agar rakyat mendapat gambaran yang jelas mengenainya.

"Mereka (Umno) boleh tentukan tarikh dan tempat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Karnival Auto Terengganu di Pusat Dagangan Terengganu di sini hari ini.

Menteri Besar Terengganu itu diminta mengulas kenyataan Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, untuk berdialog dengan Pas mengenai takrif sebuah negara Islam.

"Dialog ini bukan mahu mencari siapa yang menang atau kalah tetapi ia mestilah lebih kepada mahu mencari kebenaran mengenai tajuk yang diperbincangkan," kata Abdul Hadi.

Beliau juga menyokong cadangan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat pengisytiharan rasmi di Parlimen mengenai Malaysia sebagai sebuah negara Islam. bagi membolehkan perkara itu dibahaskan oleh anggota dewan.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata kerajaan negeri sedang merangka Pelan Industri Perindustrian Terengganu sehingga tahun 2010 yang memberikan penekanan terhadap sektor pembuatan termasuk automotif.

Menurutnya Terengganu mempunyai potensi besar untuk dimajukan sebagai pusat pembuatan terutamanya automotif kerana ia bukanlah sesuatu yang mustahil.

"Kalau daerah Pekan, Pahang mampu menjadi sebuah bandar automotif yang terkenal, mengapa perkara yang sama tidak dilakukan di Terengganu dan kerajaan sedang berusaha ke arah itu," katanya.

-- BERNAMA

AYB MAI